

# Pantau awal RMK-9

## Sistem Pengurusan Projek dan Program hubungkan komponen

BH - 20/4/2008

**K**UALA LUMPUR: Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) memutuskan Direktorat Pelaksana Negara (DPN) memperkenalkan Sistem Pengurusan Projek dan Program (PPP) untuk memastikan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menepati objektif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam kenyataan dikeluarkan semalam berkata, sistem itu bertujuan menghubungkan setiap komponen dalam rantai pelaksanaan, bermula daripada peringkat perancangan sehingga ke peringkat penyerahan projek.

Beliau berkata, selain membolehkan DPN bekerjasama secara berkesan dengan agensi, kementerian dan kerajaan negeri, sistem PPP juga membolehkan pemantauan status pelaksanaan secara masa nyata bagi mengesan dan menangani masalah pelaksanaan dengan lebih cepat.

"Sistem PPP akan menerapkan amalan terbaik dalam menyelesaikan masalah pelaksanaan dan akan membina upaya pihak yang berkepentingan dalam bidang pentadbiran dan pelaksanaan dasar," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat BBPN,

entiti yang diberikan tugas memantau dan menyelaraskan pelaksanaan projek RMK-9 yang mempunyai impak besar kepada pembangunan dan ekonomi negara.

Mesyuarat di Pejabat Perdana Menteri di sini turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Badan itu dipengerusikan sendiri oleh Abdullah dan ia mempunyai sekretariat di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Ketika memberikan butiran mengenai badan berkenaan pada 4 April lalu, Perdana Menteri berkata, mekanisme pelaksanaan baru itu akan membantu memastikan projek dan program dilaksana serta disiapkan dalam masa yang ditentukan pada kos paling efektif di samping memberi faedah kepada rakyat.

Selain itu, sistem PPP juga akan digunakan untuk menyelaraskan pelaksanaan yang mantap bagi projek yang mempunyai impak tinggi kepada rakyat seperti pembangunan Koridor Utara Semenanjung, Koridor Timur Semenanjung dan Wilayah Ekonomi Johor Selatan. - Bernama